



Management and Distribution Food Bank Institutions in Malaysian Institutions of Higher Education: Basis of Subsistence Requirements

AEMY BIN AZIZ¹, MOHAMAD ZAIM BIN ISMAIL¹, MUHAMAD SAIFUL ISLAM BIN ISMAIL²,
SYAIMAK BINTI ISMAIL³ and KHADIJAH AMIRA BINTI ABDUL RASHID¹

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Johor, Kampus Segamat

aemy@uitm.edu.my, mohamadzaim@uitm.edu.my, amirarashid@uitm.edu.my

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Kedah, Kampus Merbok. saifulislam@uitm.edu.my

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Perlis, Kampus Arau. syaimak@uitm.edu.my

Received: February 20, 2023

Accepted: February 24, 2023

Online Published: March 01, 2023

Abstract

Following the trend of increasing prices of goods and food throughout the country starting in 2019 until now has caused the people in Malaysia to start rationing their income and choose only the types of food they need for their daily use. This happened due to a number of factors such as the spread of the covid-19 epidemic, war for food producing countries, inflation, lack of food supply in the market and the factor of layoffs for some people in Malaysia. The increase in the price of goods and food has a greater impact on students who do not have a source of income for their daily expenses and there are those who only depend on education loans or contributions from their parents to continue their studies in education their respective institutions of higher education. This causes some of the students of these institutions of higher learning to be hungry all day or only eat once a day due to lack of money to buy food for them to eat throughout their studies at the institution of higher learning. Therefore this paper will review the management and distribution through food bank methods carried out by certain bodies through food bank contributions to institutions of higher learning in Malaysia to meet the needs of students to obtain food supplies. This research paper will also look at the management done by certain parties in the management of food distribution through food banks from 2019 until now.

Keywords: Management and Distribution, Food Bank, Higher Education Institution, Foundation, Sustenance

Pengurusan dan Agihan Institusi Bank Makanan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Asas Memenuhi Tuntutan Nafkah

Abstrak

Berikutan trend kenaikan harga barangan dan makanan di seluruh negara bermula pada tahun 2019 hingga kini telah menyebabkan masyarakat di Malaysia mula mencatu pendapatan dan memilih jenis makanan yang di perlukan sahaja untuk kegunaan harian mereka. Hal ini berlaku berikutan beberapa faktor seperti seperti penularan wabak covid-19, perang bagi negara pengeluar makanan, inflasi, kekurangan bekalan makanan di pasaran dan faktor di buang kerja bagi sesetengah masyarakat di Malaysia. Lebih memberi kesan keatas faktor kenaikan harga barang dan makanan ini adalah kepada golongan pelajar yang tidak mempunyai sumber pendapatan untuk pembelanjaan harian mereka dan ada di kalangan mereka yang hanya bergantung kepada pinjaman pendidikan sahaja atau bergantung kepada sumbangan dari ibubapa mereka untuk meneruskan kehidupan dalam menuntut ilmu di institusi pengajian tinggi masing-masing. Hal ini menyebabkan ada di kalangan para pelajar institusi pengajian tinggi ini terpaksa berlapar sepanjang hari atau hanya makan sehari sekali sahaja kerana kekurangan wang untuk membeli makanan untuk di jamah oleh mereka sepanjang tempoh pengajian di institusi pengajian tinggi. Oleh itu kertas kerja ini akan meninjau pengurusan dan agihan melalui kaedah bank makanan yang dilakukan oleh badan-badan tertentu melalui sumbangan bank makanan kepada institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia bagi memenuhi keperluan para pelajar untuk mendapatkan bekalan makanan. Kertas kajian ini juga akan melihat pengurusan yang dilakukan oleh pihak tertentu dalam pengurusan agihan makanan melalui bank makanan bermula tahun 2019 sehingga kini.

Kata Kunci: Pengurusan dan Agihan, Bank Makanan, Institusi Pngajian Tinggi, Asas, Nafkah



1. Pengenalan

Cabaran yang di hadapi oleh masyarakat Malaysia bermula dari tahun 2019 yang berdepan dengan tekanan hidup seperti kenaikan kos barangan dan harga makanan telah membuka ruang dan ideal kepada institusi seperti bank makanan untuk untuk menyalurkan bantuan seperti keperluan asas dan makanan harian kepada golongan-golongan yang terjejas agar mereka mampu meneruskan kehidupan untuk tempoh masa tertentu. (Zalilah Mohd Shariff & M. Ang (2001) Sumbangan dan bantuan yang di salurkan kepada golongan yang memerlukan mampu membantu meringankan beban kos keperluan golongan yang memerlukan bagi memenuhi nafkah harian mereka terutamanya nafkah keperluan makanan. Inisiatif yang dilakukan oleh institusi bersifat bank makanan ini di lihat bukan sahaja berlegar di kalangan komuniti masyarakat setempat sahaja namun turut berkembang sehingga tertubuhnya bank-bank makanan di institusi-institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia.

Inisiatif bank makanan yang dijalankan di peringkat institusi pengajian tinggi dilihat mampu membantu para pelajar daripada mengikat perut dan berlapar ketika berada di universiti terutama bagi golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana atau apabila tiba hujung semester sebelum bermulanya peperiksaan akhir di mana pada ketika itu para pelajar di lihat sudah kehabisan wang simpanan atau wang pinjaman dari institusi tertentu sekali gus mampu mengelakan risiko-risiko kesihatan yang lain akibat para pelajar ini tidak makan ketika di universiti. (Marzuki, A., & Jais, A. S. (2020) Program Bank Makanan Siswa dimulakan susulan daripada Mesyuarat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL), yang memutuskan untuk meluaskan Program Bank Makanan Malaysia ke institusi pengajian tinggi. Program bermula pada 15 Februari 2019 yang mempunyai beberapa objektif termasuklah untuk menangani kos sara hidup tinggi yang dihadapi oleh mahasiswa dan mengurangkan beban para pelajar supaya mereka lebih fokus kepada pembelajaran. Program ini mensasarkan pelajar yang tergolong dalam kumpulan B40 untuk menerima bantuan daripada program ini. Pelajar yang memerlukan bantuan akan dikenalpasti oleh unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) di setiap universiti, yang berperanan menyediakan data pelajar untuk makluman di pihak kementerian. Dan para pelajar yang terpilih ini akan di bantu melalui program bank makanan agar pelajar ini mampu meneruskan sesi pengajian tanpa perlu berlapar. (Erne Suzila etc 2020)

Program Bank Makanan Siswa telah dijalankan melalui dua kaedah iaitu *Food Pantry* dan *Central Kitchen* di kampus universiti yang terlibat di seluruh Malaysia. *Food Pantry* merupakan satu tempat simpanan barang makanan kering yang dikendalikan oleh Persatuan Pelajar bagi setiap universiti dan pelajar yang tersenarai sebagai penerima Program Bank Makanan Siswa boleh mengambil makanan berdasarkan sistem giliran atau jadual yang telah ditetapkan dengan pemantauan dari sukarelawan yang terlibat. Manakala, *Central Kitchen* pula beroperasi mengedarkan makanan yang telah dimasak sama ada dalam bentuk makanan berbungkus atau buffet dan akan diedarkan kepada golongan pelajar yang memerlukan. Secara amnya, Program Bank Makanan Siswa telah membantu dan memberi manfaat kepada kira-kira lebih 6,870 orang pelajar yang kurang berkemampuan di 21 universiti awam. Sasaran di masa hadapan adalah pertambahan bilangan pelajar yang boleh dibantu iaitu sekitar 20,000 orang. (Erne Suzila etc 2020)

2. Metodologi Kajian

Dalam mencapai objektif kajian ini beberapa kaedah atau metod kajian telah dikenal pasti agar boleh digunakan dalam mengumpul dan menganalisis data yang ditemui. Melalui Data yang diperolehi telah dikumpul dan dianalisis hasil kajian yang diperolehi mampu mencapai matlamat kajian yang dikehendaki dan berautoriti. Secara umumnya penyelidikan yang dijalankan menggunakan kaedah pengumpulan data iaitu melalui penyelidikan perpustakaan dan kaedah historical melalui data dan akhbar yang telah di siarkan yang berkaitan dengan program bank makanan di institusi pengajian tinggi Malaysia. Data yang diperolehi adalah daripada bahan-bahan yang terdiri daripada kitab bahasa Arab, akhbar-akhbar tempatan dan luar negara, jurnal dan pelbagai lagi bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan atau pusat sumber ilmu.

Bagi menganalisa data pula, tiga metod analisis data telah digunakan iaitu metode induktif, metode deduktif dan juga metod komparatif. Metod induktif ialah kaedah menganalisis data dengan mencari pembuktian daripada dalil yang bersifat khusus untuk mencapai dalil yang bersifat umum. Metode ini digunakan untuk membuat pendefinisian dan perbahasan tentang konsep institusi bank makanan yang terdapat di Malaysia dan kaedah pelaksanaannya. Selain itu



perbahasan dan perbincangan mengenai konsep nafkah dan jenis-jenis nafkah yang telah ditetapkan oleh Islam kepada manusia bagi memenuhinya.

Metod deduktif pula ialah satu cara menganalisis data serta melakukan penulisan berdasarkan fakta-fakta yang bersifat umum kepada fakta-fakta yang bersifat khusus. Metode ini digunakan untuk menganalisis konsep dan modus operandi yang di lakukan oleh isntitusi bank makanan untuk membantu golongan mahasiswa di institusi pengajian tinggi Malaysia. Manakala metod komparatif ialah proses membuat perbandingan antara data-data yang dikumpul bagi memperoleh satu kesimpulan yang tepat dengan masalah kajian. Metod ini digunakan dalam menganalisis kaedah dan pelaksanaan yang di lakukan oleh institusi bank makanan terhadap usaha memberi bantuan makanan dan makanan ringan kepada golongan mahasiswa institusi pengajian tinggi Malaysia. Perbandingan di lakukan dengan konsep nafkah yang di ajar oleh Islam melalui tuntutan manusia memenuhi keperluan hidup manusia yang lain.

Konsep Bank Makanan di Malaysia

Kelaparan merupakan salah satu simptom kemiskinan yang boleh menyebabkan manusia terdedah kepada ketiadaan sekuriti makanan yang akhirnya boleh menjejaskan kesihatan dan membawa kepada kematian (Kate McPherson (2006)). Sektor kebajikan yang dijalankan secara sukarela telah memberi jawapan kepada masalah kelaparan dan ketiadaan sekuriti makanan dalam masyarakat. Ia juga memainkan peranan yang penting dalam memenuhi keperluan makanan kepada golongan yang terdedah kepada risiko tersebut. Antara langkah yang boleh di ambil oleh institusi kebajikan ini adalah dalam bentuk program bantuan makanan bagi membantu menyediakan makanan secara percuma kepada golongan yang tidak berkemampuan (Norzuraida Binti Hasan (2012)). Konsep bank makanan adalah inisiatif yang boleh di ambil oleh organisasi kebajikan yang berkemampuan dengan menyediakan bantuan makanan kepada golongan miskin dan yang memerlukan secara percuma. Selain itu juga konsep bank makanan merujuk kepada gudang yang berdaftar sebagai organisasi kebajikan yang berfungsi sebagai tempat pengumpulan, penyimpanan dan pengagihan makanan yang diperolehi melalui derma atau perkongsian yang akan diagihkan secara percuma kepada agensi-agensi yang menyediakan makanan kepada masyarakat yang kelaparan dan memerlukan (Riches G. (1986)).

Bank makanan bertindak mengumpul lebih makanan, barangan runcit dan produk makanan yang tidak boleh dijual, makanan yang didermakan atau yang dibeli untuk diagihkan kepada golongan miskin atau kepada badan-badan kebajikan yang menyalurkan bantuan tersebut kepada golongan yang memerlukan (Whitney Borowko (2008)). Bantuan makanan yang disediakan oleh bank makanan mempunyai rangkaian yang meluas melalui kerajaan, masyarakat dan program-program kebajikan (Valerie Tarasuk & Joan M. Eakin (2005)). Ia menunjukkan satu gabungan unik daripada tiga wakil utama dalam sektor masyarakat iaitu sektor awam (pihak kerajaan di semua peringkat), sektor swasta (komuniti peniaga termasuk pihak industri makanan dan pihak media) dan sektor sukarela (komuniti NGO) untuk sama-sama bertindak dalam menangani masalah kelaparan (Norzuraida Binti Hasan (2012)).

Berdasarkan kepada konsep bank makanan yang semakin meluas di seluruh dunia, bagi meringkankan kesan kenaikan kos sara hidup dan mengurangkan pembaziran makanan dalam kalangan rakyat, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melancarkan satu inisiatif berkebakikan iaitu Program Food Bank Malaysia. Menteri Kewangan pada ketika itu iaitu YB Lim Guan Eng, bagi pihak Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad, telah melancarkan Program Food Bank Malaysia pada 22 Disember 2018, bertujuan mengurangkan kos sara hidup bagi rakyat, terutamanya dalam kumpulan B40 (Web Rasmi Food Bank Malaysia). Program Food Bank Komuniti yang dilancarkan pada Disember 2018 telah berjaya membantu 418,000 isi rumah yang tinggal di bawah garis kemiskinan di seluruh negara.

Dalam melaksanakan Program Food Bank Komuniti, Yayasan Food Bank Malaysia dan KPDNHEP menghubungkan rakan strategik utama dan organisasi bukan kerajaan (NGO) tempatan dengan pasaraya, pasar tani, pengeluar makanan, restoran dan hotel. Program ini tidak akan menjadi satu program *ad hoc* yang hanya berlaku sekali sahaja tetapi usaha berterusan yang diharapkan dapat membantu golongan miskin menghadapi peningkatan kos sara hidup (Web rasmi Food Bank Malaysia). Antara matlamat yang di sasarkan oleh food bank Malaysia ialah program Food Bank Malaysia ini mensasarkan seramai 186,354 ketua isi rumah (KIR) di bawah paras garis kemiskinan di seluruh negara untuk diagihkan lebih makanan. Diperingkat universiti, tadbir urus program adalah melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP). Peranan dan tanggungjawab HEP adalah seperti menyediakan data pelajar yang layak menerima bantuan Program Food Bank Siswa yang terdiri daripada golongan B40, kemudian pihak university juga perlu membuat persediaan dari segi pengurusan logistik dengan mengenalpasti ruang food pantry atau central kitchen bagi pelaksanaan



program Food Bank Siswa. Pihak universiti juga menentukan ahli jawatankuasa dari kalangan persatuan pelajar dan Bahagian Hal Ehwal Pengguna untuk menjadi penyelarasi bagi Program Food Bank Siswa. Selain itu pihak universiti perlu membuat promosi mengenai program Food Bank Siswa di sekitar kampus masing-masing; dan yang terakhir ialah pihak universiti mestilah sentiasa memantau pelaksanaan program Food Bank Siswa dan melaporkan kepada pihak kementerian. yang dikumpul. (Erne Suzila etc 2020)

Pengurusan Dan Agihan Bank Makanan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Program Food Bank Siswa yang dilaksanakan di 10 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sejak ia dilancarkan pada 15 Februari 2019 telah memberi manfaat kepada kira-kira 3,740 pelajar dalam usaha meringankan beban kos sara hidup pelajar. Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada ketika itu iaitu, Datuk Muez Abd Aziz menyatakan program ini mendapat kerjasama daripada 40 pemilik atau pengusaha pasar raya di seluruh negara bagi menyalurkan bekalan makanan untuk pelajar. Program Food Bank Siswa ini merupakan kesinambungan Program Food Bank Malaysia yang dilancarkan di peringkat kebangsaan pada 22 Disember 2019 untuk membantu pelajar daripada golongan keluarga B40. (Bernama 2019)

Perlaksanaan Food Bank Siswa di Universiti Teknikal Malaysia Melaka UTeM adalah yang ke-11 selain di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. (Bernama 2019) Program Food Bank Siswa ini dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu food pantry (pantri makanan) iaitu merupakan satu tempat untuk penyimpanan barang makanan kering di satu bilik yang sesuai untuk diagihkan manakala kaedah kedua adalah melalui dapur masakan yang sumbangan makanan yang telah dimasak dan diagihkan kepada pelajar yang layak menerima bantuan itu. Program food bank siswa ini mendapat Kerjasama dan sumbangan dari hampir 430 pasaraya dan pembekal yang sudi memberikan sumbangan. Dan sumbangan-sumbangan ini dikendalikan sendiri oleh kumpulan sukarelawan mahasiswa yang terdiri dari pelbagai universiti dan majlis perwakilan pelajar. Sukarelawan mahasiswa ini akan menyimpan dan mengagihkan sendiri sumbangan ini kepada kumpulan sasaran yang terdiri dari pelajar kurang upaya dan pelajar dari B40.

Sekretariat Kesukarelawan Mahasiswa (SKM) dalam kalangan pelajar akan membantu proses agihan barangan Food Bank Siswa USIM. Beberapa prosedur perlu dipatuhi adalah pelajar iaitu perlu membawa bersama kad pelajar untuk pengesahan kelayakan dan pengambilan barangan bagi seorang pelajar adalah sekurang-kurangnya maksima 3 barang seminggu. Sehingga 15 September 2021, Program Food Bank Siswa ini telah berjaya dilaksanakan di 27 buah IPTA, IPTS dan Politeknik di seluruh negara dan seramai 19,754 pelajar telah mendapat manfaat daripada inisiatif program ini. Dan sehingga September 2022, seramai 21,025 siswa telah mendapat manfaat daripada program meliputi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara. (Utusan Malaysia 2021)

Sementara itu Food Bank Malaysia yang diterajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dilancarkan di Pulau Pinang pada 22 Disember 2019 telah menyasarkan kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) termasuk pelajar universiti awam. Menerusi program itu, lebih makanan diperolehi terutama dari pasar raya besar seperti roti, sayur dan buah-buahan diagih kepada mereka yang memerlukan. Sebanyak 10 rak disediakan dengan sasaran pengagihan barangan keperluan asas seperti beras, minyak, minuman dan makanan kering bernilai antara RM5,000 hingga RM10,000. Inisiatif yang dijalankan adalah melalui penubuhan pusat Food Bank yang bekerjasama dengan National Food Bank and Food Aids Foundation untuk membantu seramai mungkin pelajar setempat yang diketahui ramai berdepan kos sara hidup tinggi di bandar terutamanya di Kawasan Setiawangsa. (HMetro, 2019)

Selain itu Ketika pandemik Covid-19 terdapat lebih 38,000 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara yang terpaksa berada di kampus masing-masing sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diberi bantuan bekalan makanan di bawah program Food Bank Siswa. Jumlah itu membabitkan 54 universiti awam (UA), politeknik dan institut pendidikan guru (IPG) yang dikenal pasti mempunyai fasiliti penyimpanan makanan. Pada Januari 2022 bagi memastikan mahasiswa tidak mengikat perut, Biro Kebajikan dan Kemasyarakatan, Jawatankuasa Kolej Mahasiswa Kolej Tun Hussein Onn (JKM KTHO) dengan kerjasama Jabatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (JTNCHEP) telah melancarkan "Food Bank KTHO" dengan harapan inisiatif ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban mahasiswa yang kurang berkemampuan terutama yang datang daripada latar belakang keluarga berpendapatan B40.



Program ini turut mensasarkan mahasiswa UTM yang mungkin telah kehabisan wang pinjaman atau biasiswa menjelang minggu-minggu akhir sebelum mereka menduduki peperiksaan akhir semester. Food Bank ini telah ditempatkan di lokasi yang strategik di Blok L01 KTHO bagi memudahkan akses mahasiswa untuk mendapatkan keperluan makanan berupa biskut, mi segera, air kotak dan air mineral. (laman web rasmi Universiti Teknologi Malaysia) Sementara itu pada 12 Ogos 2021 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melancarkan 'Bank Makanan' yang ditempatkan di Masjid al-Mursyidin UPSI. Dengan menjadikan masjid sebagai pusat tumpuan warga universiti menerusi pelbagai aktiviti, ruangan bank makanan bakal memberi manfaat kepada seluruh warga universiti dan penduduk sekitar kampus yang mengunjungi masjid itu untuk mendapatkan bekalan makanan untuk digunakan oleh warganya. Pengarah Pusat Islam UPSI menatakan bahawa pelancaran bank makanan berikutan pandemik COVID-19 yang turut menjejaskan kehidupan pelajar dan masyarakat di sekitar kampus dan sebahagian daripada dana projek 'foodbank' hasil sumbangan ikhlas kakitangan UPSI menerusi potongan gaji. (Utusan Malaysia 2021)

Selain itu Seramai 1274 pelajar dalam kalangan keluarga BL40 (pendapatan isi keluarga di bawah RM1000), asnaf serta pelajar dalam kecemasan dikenal pasti oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) layak menerima bantuan menerusi Food Bank Malaysia (FBM) yang telah di anjurkan. USIM telah menerima seramai 11 penyumbang yang memberi sumbangan berupa barangan kering dan barangan basah yang terdiri dari makanan kepada penerima dengan terdiri dari syarikat Mighty Ocean Sdn Bhd, Rompin Enterprise Sdn Bhd, TF Value Mart, Faiza Marketing Sdn Bhd, Econsave Cash and Carry (FH) Sdn Bhd, NSK Trade City (NS2) Sdn Bhd, Era Plantation Tech Sdn Bhd, D'Era Pouch Industries Sdn Bhd, Mesra Erat Sdn Bhd (MyHope Mart), Pejabat FAMA Negeri Sembilan dan AEON Co (M) Sdn Bhd. (Laman Web Rasmi USIM)

Program Food Bank Malaysia yang dilaksanakan di institusi pengajian tinggi Malaysia merupakan inisiatif peringkat nasional yang bermatlamat membantu golongan pelajar kurang berkemampuan untuk mendapatkan bekalan makanan pada masa yang sama menyedarkan pengguna tentang inisiatif lebih makanan untuk mengelakkan pembaziran makanan serta mengatasi pembaziran makanan yang masih boleh dimanfaatkan. Secara tidak langsung ia mengurangkan kos operasi di pasaraya-pasaraya dan mewujudkan struktur pengurusan lebih makanan yang lebih tersusun dan terancang. Salah satu keistimewaan Program Food Bank Siswa ialah kejayaan memupuk semangat sukarelawan dalam kerja-kerja kebajikan tanpa mengharap balasan. Sukarelawan pelajar mencurahkan bakti tenaga mereka secara sukarela untuk menguruskan makanan kering, membahagikan bahan makanan, barang-barang keperluan diri dan peralatan pembelajaran kepada siswa berkenaan secara teratur dan mengawal inventori supaya bekalan tidak terputus.

Tuntutan Menenuhi Nafkah Menurut Islam

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh SWCorp, rakyat Malaysia telah menjana 15,000 tan sampah makanan setiap hari dan daripada jumlah itu, 3,000 tan sisa makanan yang dibuang masih boleh dimakan. Dari pada jumlah itu sekiranya ianya di kumpul dan diagihkan kepada pihak yang memerlukan, ianya boleh memberikan manfaat kepada hampir dua juta rakyat Malaysia (BHarian Online). Di dalam Islam jelas membincangkan tuntutan manusia memenuhi nafkah keatas tanggungannya sama ada nafkah kepada keluarga atau masyarakat sekeliling. Nafkah adalah pembelanjaan keperluan manusia seperti makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan selainnya. Ia dinamakan *Nafaqah* kerana dikeluarkan atau digunakan untuk keperluan itu (*al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'e*, dan Siti Mardiah (2009).

Terdapat pelbagai Nas al-Quran dan Sunnah berkenaan nafkah di antaranya, Firman Allah SWT dalam surah al-Talaq ayat 7 yang bermaksud:

Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.

Selain itu terdapat hadis yang membahaskan tentang kaedah pemberian nafkah yang telah di ajar oleh Rasulullah SAW seperti:



“Sebaik-baik dinar (wang atau harta) yang dinafkahkan seseorang ialah dinar yang dinafkahkan untuk keluarganya, dan dinar yang dinafkahkan untuk ternakan tunggangannya (kendaraan) yang digunakan di jalan Allah dan dinar yang dinafkahkan untuk para sahabatnya yang berjuang di jalan Allah.”

Hadith Riwayat Muslim: 994

Di dalam hadis yang lain berkaitan tuntutan member nafkah, Rasulullah meriwayatkan dalam sebuah hadis yang bermaksud:

“Apa yang engkau berikan untuk memberi makan dirimu sendiri, maka itu adalah sedekah bagimu, dan apa yang engkau berikan untuk memberi makan anakmu, maka itu adalah sedekah bagimu, dan apa yang engkau berikan untuk memberi makan orang tuamu, maka itu adalah sedekah bagimu. Dan apa yang engkau berikan untuk memberi makan isterimu, maka itu adalah sedekah bagimu, dan apa yang engkau berikan untuk memberi makan pelayanmu, maka itu adalah sedekah bagimu”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Di dalam kitab *Nail al-Awthar* karangan Imam Syaukani menjelaskan Rasulullah SAW memberi nafkah dan keperluan secukupnya kepada ahli keluarganya mengikut kemampuan Baginda SAW. Rasulullah SAW menyediakan untuk isteri-isteri Baginda SAW tempat tinggal, makanan, pakaian dan semua keperluan dengan mencukupi dengan tidak berlebihan. Ini bersesuaian dengan kehidupan Rasulullah SAW yang memilih zuhud dan tidak bermewah-mewah. Dalam pemberian nafkah, Rasulullah SAW memberikan 20 *wasq* gandum dan 80 *wasq* kurma kepada isteri-isterinya pada setiap tahun (Asmak Ab Rahman (2009)).

Di dalam surah al Baqarah ayat 236 pula menjelaskan tentang Allah menerangkan tentang kadar bantuan yang boleh di berikan kepada golongan yang memerlukan sesuai dengan kemampuan masing. Firmah Allah dalam surah tersebut:

وَمَتَّعُوهُمْ عَلَىٰ الْمَوْسِعِ قَدْرَهُ وَعَلَىٰ الْمَقْتِرِ قَدْرَهُ مَتَاعًا بِالْمَعْرُوفِ

“Dan hendaklah kamu berikan suatu pemberian kepada mereka. Orang yang mampu sesuai dengan kemampuannya dan orang yang miskin sesuai dengan kemampuannya pula, iaitu pemberian menurut yang patut”.

Selain itu di dalam surah Saba ayat ke-39 jelas Allah berfirman tentang berkongsi harta kepada yang memerlukan dan Allah akan menggantikannya seperti firmanNya yang bermaksud:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya di antara hamba-hambaNya, dan Ia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik Pemberi rezeki".

Berdasarkan kepada dalil dan perbahasan di atas, jelaslah bahawa tuntutan mencari nafkah dan memenuhi nafkah terletak dan di sarankan kepada semua umat islam. Bagi yang kurang berkemampuan menjadi tuntutan untuk berusaha sedaya upaya agar ahli di bawah tanggungannya hidup dalam keadaan tidak meminta-minta. Manakala bagi golongan yang berkemampuan disarankan untuk berkongsi harta yang dimiliki kepada golongan yang tidak berkemampuan agar rezeki yang diperolehi itu dapat diambil manfaat oleh golongan yang memerlukan di samping menambah keberkatannya dari Allah SWT.

Penutup

Agama Islam merupakan sebuah agama yang menitik beratkan tentang hak dan penjagaan sesama manusia antaranya penjagaan nyawa yang telah dibahaskan dalam konsep maqasid syariah. Antara tujuan dan hikmah ajaran Islam menekankan tentang konsep penjagaan nyawa dan berkongsi harta supaya masyarakat Islam khususnya di Malaysia sama-sama menikmati kesenangan dan rezeki yang telah di turunkan oleh Allah kepada setiap hambanya sama ada dalam keadaan senang mahupun dalam keadaan di uji dengan musibah. Ternyata sumbangan dan bantuan yang di salurkan oleh badan-badan kerajaan dan swasta yang menjalankan program kebajikan seperti bank makanan bagi keperluan para pelajar di seluruh institusi pengajian tinggi di Malaysia ini mampu membantu dan memenuhi tuntutan yang telah diperintahkan oleh Allah keatas hambanya iaitu untuk berkongsi setiap rezeki yang telah diberikan kepada mereka yang memerlukan. Di samping itu melalui perkongsian yang dilakukan ini mampu meningkatkan ketakwaan dan rasa syukur daripada pihak yang menerima bantuan dari bank makanan ini kepada Allah sang maha pencipta.



Rujukan

- Al-Quran Surah Al-Talaq
 Al-Quran Surah Al-Baqarah
 Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim
 Angkatan Belia Islam Malaysia, <http://www.abim.org.my/component/content/article/11-beritautama/586-ngo-islam-perlu-santuni-golongangelandangan>
- Asmak Ab Rahman (2009), "Sekuriti Makanan dari Persektif Syariah", *Jurnal Syariah*, Jil. 17 Bil. 2, hh. 299-326.
- Erne Suzila Kassim, Faridah Haji Hassan, Ismah Osman dan Hanitahaiza Hairuddin (2020), *Bank Makanan : Konsep, Aplikasi, Kesan & Halatuju*, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan kerjasama Persatuan Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (Malaysian Consumer and Family Economics Association MACFEA) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).
- Food For Thought Online. (2008), <http://www.foodthoughtful.ca/intro.htm>,
 Global FoodBanking Network, http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=about_hunger,
 Kenyataan Rasmi Media Majlis Keselamatan Negara : <https://www.pmo.gov.my/2020/03/kenyataan-media-mkn-18-mac-2020/>
- Laman Web Rasmi Food Bank Malaysia: <https://www.foodbankmalaysia.org/bm/>
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/556276/jawi-food-bank-sumbang-makanan>
- Laman web rasmi Akhbar Berita Harian: <https://www.bharian.com.my>
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669436/food-bank-malaysia-bantu-lebih-38000-pelajar-ipt>
- Laman Web Rasmi Utusan Malaysia Online <https://www.utusan.com.my/gaya/2021/08/food-bank-masjid-al-mursyidin-upsi/>
- Laman Web Rasmi Akhbar Harian Metro Online <https://www.hmetro.com.my/WM/2019/11/519521/bank-makanan>
- Laman Web Rasmi Bernama *Food Bank Siswa di 10 IPTA beri manfaat kepada 3,740 pelajar*, Bernama Julai 4, 2019
- Marzuki, A., & Jais, A. S. (2020). *Urbanisation And The Concerns For Food Security In Malaysia*. *Planning Malaysia*, 18(13).
- Muhamad Zuhailli, *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'e*.
- Norzuraida Binti Hasan (2012), *Potensi Pelaksanaan Bank Makanan Di Malaysia Sebagai Satu Bentuk Jaminan Sekuriti Makanan Bagi Golongan Miskin, Desertasi Sarjana, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Akademik Pengajian Islam, University Malaya, Kuala Lumpur*.
- Norhasmah Sulaiman (2010), "Food Security: Concepts and Definition", *Journal of Community Helath* 2010, Vol. 16 No. 2, hh. 119-120.
- Nur Annizah Ishak & Pazim @ Fadzim Othman (2005), "Food Security in Malaysia From Islamic Perspective", *Jurnal Syariah*, Jil. 13, Bil. 2, hh 1-15
- Riches G., (1986), *Food Banks and The Welfare Crisis*. Ottawa: Canadian Council on Social Department.
- Siti Mardiah (2009), "Polisi Sekuriti Makanan Di Indonesia Dari Perspektif Islam: Kajian pada PERUM BULOG" (Disertasi Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).
- Valerie Tarasuk & Joan M. Eakin (2005), "Food Assistance Through "Surplus" Food: Insights From An Ethnographic Study of Food Bank Work", *Agriculture and Human Values*, Vol. 22.
- Whitney Borowko (2008), "Food Insecurity Among Working- Age Canadians With Disabilities" (Master Thesis of Public Policy in the Faculty of Arts and Social Sciences at Simon Fraser University, Vancouver).
- Zalilah Mohd Shariff & M. Ang (2001), "Assessment of Food Insecurity Among Low Income Households in Kuala Lumpur", *Malaysian Journal Nutrition*, Vol. 6,